

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 2/10/2013

Muka surat: 4

Tajuk : SEB, UNIMAS Bekerjasama Kaji Kelestarian Alam Sekitar Pembangunan Kuasa Hidro.

SEB, UNIMAS bekerjasama kaji kelestarian alam sekitar pembangunan kuasa hidro

KUCHING: Sarawak Energy Berhad (SEB), penyedia tunggal tenaga Sarawak semalam menandatangani perjanjian dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menjalinkan usaha sama menyelidiki dalam aspek kelestarian alam sekitar pembangunan kuasa hidro.

Kenyataan akhbar daripada SEB memberitahu, ia merupakan sebahagian daripada Program Kelestarian Alam Sekitar Kuasa Hidro yang memberi penekanan kepada dedikasi SEB untuk menyelesaikan sebarang masalah alam sekitar berpotensi di semua peringkat kitaran projek kuasa hidro bermula dari perancangan sehingga pelaksanaan.

SEB komited untuk mengikut prinsip kelestarian diiktiraf antarabangsa yang meliputi aspek ekonomi, teknikal, sosial dan alam sekitar projek.

Fasa pertama Program Kelestarian Alam Sekitar Kuasa Hidro bertujuan membangunkan kemampuan dan kapasiti penyelidikan tempatan dalam Sarawak berkaitan topik-topik alam sekitar dan mengutamakan pengumpulan data penting bagi membentuk pengetahuan asas.

Oleh itu dengan berbuat demikian, ia membolehkan SEB mengesan dengan berkesan isu-isu alam sekitar utama yang sering mendapat perhatian umum.

Majlis menandatangani perjanjian itu juga menandakan permulaan baharu kerjasama penyelidikan di negeri ini, SEB sebagai pelaksana utama projek tenaga hidro Sarawak bersedia bekerja sama dengan UNIMAS dalam meningkatkan lagi standard pengurusan alam sekitar.

SEB berasa gembira dengan kajian asas selama tiga tahun terhadap dua aspek kema-

panan alam sekitar terutama dalam bidang Biodiversiti & Ekologi Akuatik dan Biodiversiti & Ekologi Daratan.

Skop kajian untuk Biodiversiti & Ekologi Akuatik meliputi analisis spesies ikan serta organisma lain yang saling bergantung antara satu sama lain dan alam sekitar tempat habitatnya.

Kajian Biodiversiti & Ekologi Daratan pula memfokus kepada usaha mengenal pasti burung-burung dan kelawar, reptilia, amfibia, haiwan darat dan spesies yang terbiar serta sumbangannya.

SEB juga akan menjalinkan kerjasama dengan lebih banyak universiti untuk membincangkan topik-topik kelestarian serta Geomorfologi (kajian saintifik bentuk tanah dan proses pembentukannya) untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan memperluas asas pengetahuan SEB dan rakan kongsinya.

Kajian itu juga membolehkan SEB menguasai keadaan sedia ada sebelum projek dilaksanakan dan mengesan perubahan, menyediakan maklumat lebih baik mengenai kesan dan akibat perubahan-perubahan yang berlaku terhadap alam sekitar.

UNIMAS diwakili Naib Canselornya Prof Datuk Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr Peter Songan dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber UNIMAS Profesor Madya Dr Mohd Hasnain Md Hussain.

Manakala SEB diwakili Ketua Perkhidmatan Korporat Aisah Edem serta Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan) Dr Chen Shiun.

Hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu adalah Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datuk Dr Hatta Solhi.